

Headline	Pelabur asing jual saham RM1.49 bilion pada April		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 May 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	55
ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mohd Zaky
PR Value	RM 40,088		



# Pelabur asing jual saham RM1.49 bilion pada April

➔ Dana luar kembali pada Jumaat selepas data lebih dagangan Malaysia

[FOTO HIASAN]



Prestasi Bursa Malaysia disokong data lebih dagangan Malaysia.

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**P**asaran saham Malaysia mencatatkan aliran keluar dana asing RM1.49 bilion bulan lalu, penjualan bersih dana bulan ketiga berturut-turut.

Berdasarkan angka itu, MIDF Research berkata, Bursa Malaysia mencatatkan aliran keluar dana asing berjumlah RM2.76 bilion bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, berbanding aliran masuk bersih dana asing sebanyak RM3.71 bilion tempoh sama tahun lalu.

“Berdasarkan empat pasaran ASEAN yang dipantau kami, Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai negara dengan aliran keluar bersih terbesar,” katanya dalam nota penyelidikan.

#### Aliran keluar dana asing

Sementara itu, aliran keluar dana asing berterusan minggu lalu dengan sejumlah RM275.5 juta

lagi ‘ditarik’ dari pasaran ekuiti tempatan, iaitu empat kali ganda lebih tinggi berbanding minggu sebelumnya.

Berdasarkan data Bursa Malaysia, aliran keluar dana asing yang dicatatkan minggu lalu, meneruskan penjualan bersih kepada minggu keenam berturut-turut.

Menurut MIDF Research, bermula Isnin minggu lalu, aliran keluar dana dicatatkan sebanyak RM96.3 juta selepas pelabur menunggu data ekonomi daripada Amerika Syarikat (AS), Eropah dan China yang mungkin memberi petanda kepada prospek pertumbuhan ekonomi global.

“Jualan bersih asing memuncak pada Selasa sebanyak RM102.9 juta selepas Malaysia dan pasaran serantau lain ditutup pada Rabu sempena Hari Pekerja.

“Sentimen juga terjejas sebahagiannya disebabkan indeks pengurus pembelian (PMI) China yang lebih rendah daripada jangkaan,” katanya.

#### Prestasi bursa tempatan

Selepas pasaran dibuka pada Khamis, pelabur asing meneruskan pengeluaran dana daripada pasaran saham tempatan berjumlah RM88.8 juta sejajar dengan pasaran lain termasuk Thailand dan Indonesia

“Bagaimanapun, pada Jumaat aliran bersih dana asing kembali ke pasaran berjumlah RM12.2 juta, sekali gus menamatkan penjualan lima hari berturut-turut.

“Prestasi bursa tempatan pada Jumaat disokong data lebih dagangan Malaysia pada April berjumlah RM14.4 bilion, peningkatan terbesar sejak Oktober 2018,” katanya.

Tenaga Nasional Bhd menyaksikan aliran keluar dana bersih terbesar minggu lalu berjumlah RM7.94 juta, diikuti dengan Dutch Lady Milk Industry Bhd dengan RM6.82 juta dan Lafarge Malaysia Bhd (RM5.92 juta).